

Perubahan iklim menjejaskan dunia kita, sila mainkan peranan adik-adik untuk bantu menyelamatkan Bumi.

perihal smales

BERITA BUG




Musim Sejuk 2021



No. Isr: 04/2021

MCI (P) 035/07/2021

© Inter IKEA Systems B.V 2021



Kandungan

- 03 Kata alu-aluan daripada Sara
- 04 Pertandingan Melukis Mainan Lembut
- 06 Apakah musim sejuk?
- 08 Apakah salji?
- 10 Permainan
- 12 Cari perbezaan
- 14 Kalendar advent Krismas
- 16 Aktiviti musim sejuk
- 18 Kesan pemanasan global
- 20 Peti masuk @smales
- 23 Conteng-conteng
- 24 Komik

Hai smaless!

Masa berlalu begitu cepat! God Jul, smaless. Itu bermakna Selamat menyambut Krismas dalam bahasa Sweden dan itu yang ingin kami ucapkan kepada adik-adik! Baca sampai habis dan adik-adik akan mendapati ada beberapa aktiviti yang menarik untuk adik-adik lakukan sepanjang perayaan ini!

Temui kru SAGOSKATT 2021 tahunan kami yang amat dinanti-nantikan pada muka surat 4. Musim sejuk ialah tentang salji. Dan adakah adik-adik tahu apakah salji dan bagaimana ia terbentuk? Banyak yang boleh adik-adik peroleh pada muka surat 6 hingga 8. Wow, ia penuh dengan kandungan yang mengujakan!

Ia akan menjadi perayaan yang menyeronokkan! Kami harap adik-adik akan menyambut Krismas yang paling meriah tahun ini!

Dengan pelukan sangat mesra
Sara

Mainan lembut berhati emas




Ini dia, kru mainan lembut SAGOSKATT 2021. Bersedia untuk menyebarkan kasih sayang dan keriaan dan yang paling penting, menyokong hak kanak-kanak untuk bermain di mana sahaja mereka membesar.

Dapatkannya secara dalam talian dan atau melalui Klik & Ambil di IKEA Damansara dan Cheras sahaja pada **RM24.90 setiap satu** dan 100% daripada harga pembelian akan disumbangkan kepada rumah kebajikan setempat, **Dignity for Children**.

Layari IKEA.my/SAGOSKATT untuk maklumat lanjut.




Bantu Sara dan rakan-rakan mencari jalan mereka ke teratak musim sejuk



Apakah musim sejuk?

Musim sejuk ialah musim paling sejuk. Nama "Winter" berasal daripada perkataan Germanik lama yang bermaksud "masa air" dan merujuk pada hujan dan salji musim sejuk di garis lintang sederhana dan tinggi.



Negara-negara yang mengalami musim sejuk sepanjang tahun

Negara-negara di Hemisfera Utara lebih berkemungkinan mengalami musim sejuk yang lebih sejuk berbanding yang di Hemisfera Selatan. Malah, kesemua negara-negara paling sejuk di dunia terletak di Hemisfera Utara. Ini termasuk Greenland, Kanada, Kazakhstan dan Rusia. Walaupun terletak di Hemisfera Selatan, namun dari segi teknikal Antartika ialah kawasan paling sejuk di Bumi.



Hemisfera Utara



Hemisfera Selatan



Negara-negara paling sejuk di dunia

KAZAKHSTAN

berada betul-betul di bawah Rusia. Terdapat banyak kawasan di negara ini yang kekal dilitupi ais. Semasa musim sejuk, suhu jatuh di bawah tahap beku.

ANTARTIKA

berada teratas sekali dalam senarai negara-negara paling sejuk di dunia dan ia ialah kawasan paling sejuk di Bumi dan dilitupi salji sepanjang tahun. Suhu seperti diketahui jatuh pada 100 darjah di bawah tahap beku.

RUSIA

Salah satu negara terbesar di dunia yang terbentang dari Eropah ke Asia dan merupakan sebahagian daripada dua benua. Kebanyakan daripada kawasan di Rusia sangat sejuk pada sepanjang tahun dan suhu musim panas boleh jatuh di bawah tahap beku.

KANADA

Tidak seperti Greenland, walaupun berada jauh di utara, Kanada mempunyai banyak tumbuh-tumbuhan hijau dan tasik. Walau bagaimanapun, hampir seluruh Kanada menerima curahan salji dan suhu boleh jatuh pada 40 darjah di bawah tahap beku dan melalui tempoh kegelapan dan cahaya matahari yang melampau.

GREENLAND

Jisim bumi yang luas di utara ini ialah salah satu daripada negara paling sejuk di dunia dan dikelilingi oleh lautan dari semua sisi. Semasa musim sejuk sinaran matahari paling sedikit diterima ialah selama 3 jam.

Sumber-sumber:
<https://www.britannica.com/science/winter>
<https://www.livescience.com/25124-winter.html>


Apakah salji?

Salji ialah sejenis bentuk ais dan ialah bentuk padu air yang menghablur di dalam atmosfera lalu jatuh ke Bumi yang melitupi permukaan Bumi secara kekal atau sementara.



Adakah Adik-adik Tahu?

Salji meliputi kira-kira 23 peratus daripada permukaan Bumi sama ada secara kekal ataupun sementara.




Bagaimanakah salji terbentuk?

Salji terbentuk apabila suhu rendah dan terdapat lembapan di dalam atmosfera dalam bentuk hablur ais kecil. hablur ais kecil di awan ini menjeleket lalu membentuk emping salji. Jika cukup halur yang menjeleket, ia akan menjadi cukup berat untuk jatuh ke tanah. Emping salji yang turun melalui udara yang kering dan sejuk menghasilkan salji berserbuk yang tidak menjeleket.

Bahan mineral yang terdapat di dalam salji

Bahan mineral yang paling utama dalam air salji ialah **kuarza dan feldspar**.



Saiz emping salji

Kebanyakan emping salji berukuran 0.02 inci hingga 0.2 inci dalam julat diameter, sementara salji kesan tasik iaitu yang terbentuk semasa udara sejuk di bawah tahap beku melalui perairan tasik yang lebih hangat, ada kalanya menghasilkan emping salji dengan ukuran diameter 0.5 inci atau lebih lagi.

Emping salji terdapat dalam pelbagai bentuk dan saiz. Perbezaan pada saiz bergantung pada berapa sejuk suhu apabila salji sedang turun. hablur salji individu kecil, tetapi kadang kala ia menjeleket dan menghasilkan emping salji yang lebih besar. Apabila suhu lebih daripada tahap beku, emping yang turun dari langit bersaiz lebih kecil.

Adakah Adik-adik Tahu?

Emping salji yang paling besar turun semasa ribut pada Januari 1887 di Fort Keoh, Montana, Amerika Syarikat yang satu berukuran selebar 15 inci.



Salji Baharu

Lapisan baharu salji yang setiap hablur atau emping salji boleh dilihat. Ia jenis yang kita semua suka meninggalkan jejak di atasnya.



Salji Basah

Apabila emping salji mula cair sebelum mencecah tanah, ia dirujuk sebagai salji basah.

Kanak-kanak suka akan keadaan salji basah kerana ia sangat sesuai untuk membuat bola salji.



Sumber-sumber:
<https://www.metoffice.gov.uk/weather/learn-about/weather/types-of-weather/snow/how-does-snow-form>
<https://www.hilarispublisher.com/>
<https://simple.wikipedia.org/wiki/Snow>
<https://www.britannica.com/science/snow-weather>

Jenis-jenis salji

Berapa banyakkah jenis salji?

Salji Kompak

Salji kompak ialah apabila salji lama terkumpul yang sama ada adik-adik boleh berjalan, memandu ataupun berski di atasnya.




Salji Serbuk

Apabila permukaan suhu di bawah tahap beku, emping salji tidak akan cair semasa mencecah tanah. Adik-adik tidak dapat membuat bola salji daripada salji serbuk kerana adik-adik akan membeku jika cuba berbuat demikian.




<https://nsidc.org/cryosphere/snow/science/types.html>
<https://nsidc.org/cryosphere/snow/science/types.html>
<https://www.snowblowerguides.com/different-types-of-snow-ice/>
<https://google>

Cari padanan bagi perkataan di bawah



- RUMAH HIJAU • PEMBASMIAN HUTAN • LEPASAN • KEBAKARAN LIAR • KEMARAU
- RUMAH HIJAU • ASBUT • BAHAN API FOSIL • AIS APUNG • LAPISAN OZON
- PENCEMARAN • HUJAN ASID • SUHU



Seni & kraf Musim sejuk


Mari kita cipta orang-orang salji kertas, menarik untuk dihasilkan dan seronok bila ia melantun di sekeliling.

Kraf Orang-orang Salji Kertas

Apa yang adik-adik perlukan

- 2 helai kertas putih (Sebarang jenis kertas atau kertas binaan bentuk)
- Kertas warna (Sedikit untuk hidung, atau boleh dilukis)
- Pen penanda hitam
- Glu dan gunting
- Pilihan: butang, sarung kek cawan, manik


1



Potong kertas kepada 2 jalur memanjang merentasi helaian kertas. Satu set mengikut panjang dan satu set mengikut lebar.



2



Untuk menghasilkan bola kertas, cantum jalur seperti yang ditunjukkan di rajah di atas.

Kemudian glu bola yang lebih kecil di atas bola besar.



3

Lukis atau lekatkan semua perincian, mata, hidung dan butang. Potong satu jalur kertas warna yang panjang dan buat skaf.

Adik-adik juga boleh menggunakan sarung kek cawan sebagai topi. Ia nampak comel kan?

Adik-adik boleh membuatnya banyak-banyak dan jadikannya seperti kalung. Jika adik-adik inginkannya berdiri sendiri, letakkan duit syiling atau batu kecil di dasar agar ia seimbang. Atau glu orang-orang salji pada kertas.

Sumber:
<https://www.easypeasyandfun.com/paper-snowman-craft/>



**Cari
perbezaan**

Bolehkah adik-adik mencari 20 perbezaan? Bulatkan dan nomborkan setiap perbezaan yang adik-adik dapat cari!

Hantarkan jawapan adik-adik berserta nama, nombor pasport Smalish, umur, alamat dan butir-butir hubungan ke sara@smales.com.my atau smaless, No.2, Jalan PJU 7/2, Mutiara Damansara, 47800 Petaling Jaya, Selangor, selewat-lewatnya pada **31 Januari 2022**. 30 Pemenang bertuah setiap orang akan memenangi satu jam dinding **TROMMA**.



Kira detik Krismas!
Perkara menarik untuk dilakukan dan dikongsikan bersama dengan yang tersayang sebelum Krismas!

1 Dis.



la musim perayaan! Berikan ahli keluarga adik-adik pelukan yang erat dan beritahu mereka "Saya sangat sayang anda."

2 Dis.

Buat satu senarai dengan 10 perkara yang ingin adik-adik lakukan pada 2022.



3 Dis.



Hias pokok Krismas adik-adik

13 Dis.

Berkongsi gurauan dengan rakan-rakan adik-adik: Apakah adik panggil Santa apabila dia berhenti bergerak: Santa pegun.



14 Dis.

Balut hadiah adik-adik dengan kertas kitar semula



15 Dis.

Menari mengikut lagu Krismas



4 Dis.



Baca buku tentang cerita Krismas

5 Dis.

Nikmati hidangan lazat bersama dengan ahli keluarga adik-adik.



6 Dis. Tulis surat kepada Santa




16 Dis.



Buat biskut buatan sendiri

17 Dis. Hias biskut adik-adik



18 Dis.

Buat rumah biskut halia bersama dengan keluarga adik-adik! (Boleh didapati di Kedai Makanan Khas Sweden)



7 Dis.

TERIMA KASIH

Tulis nota terima kasih untuk adik-beradik adik-adik.

8 Dis.



Menari mengikut lagu Krismas

9 Dis.



Cipta satu kraf DIY Krismas

19 Dis.




Buat minuman coklat panas yang lazat bersama dengan adik-beradik adik-adik.

20 Dis.



Buat kad ucapan buatan tangan.

21 Dis.



Tonton tayangan gambar Krismas bersama dengan seisi keluarga adik-adik.

10 Dis.

Pergi membeli-belah bersama dengan ibu bapa adik-adik

11 Dis.



Belajar lagu baharu Krismas

12 Dis.



Sumbangkan mainan yang berkualiti baik selepas mengemas bilik adik-adik.

22 Dis.

Berkongsi biskut dengan jiran adik-adik



23 Dis.



Meluangkan masa berkualiti bersama dengan datuk dan nenek adik-adik dan hargai detik-detik itu.

24 Dis.



Ambil gambar bersama dengan keluarga adik-adik pada malam sebelum.

Aktiviti yang menarik dilakukan semasa musim sejuk.

Membina orang-orang salji atau kubu salji

Melihat bintang

Hoki kolam ais

Memancing di kolam ais

Berski

Berjalan-jalan di atas salji

Tetiub salji

Luncur salji

Melontar bola salji

Geluncur ais

Fakta menarik tentang musim sejuk & salji

1 Musim sejuk musim yang paling sejuk.

2 Salji turun pada musim sejuk.

3 Pokok berhenti membesar pada musim sejuk.

4 Salji bukan berwarna putih.

5 Matahari kelihatan lebih besar pada musim sejuk.

6 Tumbuh-tumbuhan berhenti membesar pada musim sejuk.

7 Ada binatang yang berhibernasi pada musim sejuk.

8 Setiap emping salji ada enam sisi.

9 Malam lebih panjang pada musim sejuk.

10 Salji boleh dimakan.



Kesan pemanasan global

Perubahan pada iklim Bumi sejak awal abad ke-20 disebabkan terutamanya oleh aktiviti manusia, lantas meninggikan suhu purata permukaan Bumi. Suhu yang dihasilkan oleh manusia ini biasanya disebut sebagai pemanasan global. Pemanasan global ialah pemanasan jangka panjang sistem iklim bumi akibat aktiviti manusia, terutamanya pembakaran bahan api fosil, yang meningkatkan paras perangkap haba gas rumah hijau di atmosfera bumi.

Proses semula jadi turut juga menyumbang pada perubahan iklim (cth. aktiviti gunung berapi, perubahan pada output tenaga Matahari).

Perubahan iklim pada musim sejuk boleh menyebabkan:

Curahan salji

Lebih banyak curahan salji semasa musim sejuk ialah akibat yang dijangkakan daripada perubahan iklim. Itu kerana planet yang lebih panas menyejat lebih banyak air ke dalam atmosfera. Kelembapan yang bertambah itu bermakna lebih cecair beku dalam bentuk curahan salji atau hujan yang lebat.

Semasa bulan-bulan yang lebih panas, ini boleh menyebabkan banjir. Tetapi semasa musim sejuk iaitu apabila bahagian dunia kita condong dari matahari, suhu jatuh dan kita akan mengalami bukan hujan lebat tetapi ribut salji yang meluas.

Cuaca yang lebih sejuk

Melalui pembakaran bahan api fosil, manusia telah memanaskan planet pada lebih 1 darjah Celsius (1.8 F). Tempoh dekad dari 2010 hingga 2019 ialah tempoh paling panas pernah direkodkan. Walau bagaimanapun, perubahan iklim tidak hanya mengakibatkan suhu yang lebih tinggi, malah cuaca yang melampau.

Risiko pada musim sejuk

Kemalangan kereta

Kebanyakan kemalangan kereta yang berlaku disebabkan oleh faktor-faktor tertentu. Antaranya ialah jalan berais, penglihatan tidak baik, penat dan salji.



Hipotermia

Hipotermia ialah apabila suhu teras badan manusia di bawah 35.0 °C (95.0 °F) yang gejala-gejalanya bergantung pada suhu.



Luka beku

Luka beku ialah kecederaan pada kulit yang berlaku apabila terdedah pada suhu terendah, menyebabkan kulit atau tisu-tisu lain membeku, yang biasanya memberi kesan pada jari, jari kaki, telinga, pipi dan bahagian dagu. Gejala awal ialah rasa kebas.




Keracunan Karbon Monoksida

Apa-apa yang mengeluarkan wasap mudah terbakar merupakan sumber keracunan karbon monoksida. Pada musim sejuk, orang ramai biasanya berada dalam persekitaran tertutup dan banyak daripada peranti yang digunakan di dalam bangunan, maka terdapat risiko yang tinggi untuk terjadinya keracunan karbon monoksida.



Serangan Jantung

Serangan jantung sangat biasa pada musim sejuk. Jika seseorang itu selesema atau ada penyakit lain juga menjadikan ia berisiko untuk mendapat serangan jantung.



Sumber-sumber:

<https://www.earthnetworks.com/blog/the-5-biggest-winter-weather-risks-and-how-to-protect-yourself/>
https://healthcare.utah.edu/the-scope/shows.php?shows=0_zr1g4bsz
<https://en.wikipedia.org/wiki/Hypothermia>
<https://climate.nasa.gov/resources/global-warming-vs-climate-change>

PEI MASUK @ SMALES



Tema keluaran lepas:

Sara dan Bugbug mengitar semula barangan lama untuk membina maskot kelestarian mereka. Agaknya bagaimanakah rupa maskot mereka nanti?



Siew Zi Yang, 9 tahun



Hon Ke Yu, 9 tahun

Tema akan datang:

Sara dan Bugbug cuba membentuk satu orang-orang salji yang besar. Bagaimanakah agaknya rupa orang-orang salji ini?

Sertakan jawapan adik-adik berserta nama, nombor pasport Smalish, umur, alamat dan butir-butir hubungan ke sara@smales.com.my atau smaless, No.2, Jalan PJU 7/2, Mutiara Damansara, 47800 Petaling Jaya, Selangor, selewat-lewatnya pada **31 Januari 2022**. 2 Pemenang bertuah setiap orang akan memenangi satu selimut **LEN**.



Surat Terbaik

"Ooh, I'm hungry." Said Bugbug. What shall we eat for lunch?" Sara scratched her chin. "Hmm, how about we go for a picnic in the forest instead?" Bugbug smiled. "Sure!" After they packed, they walked into the forest. When they arrived, Sara and Bugbug gasped in horror. They could smell something horribly stinky. Oh, their beautiful spot, the place where they usually sit, the tree was gone! What was left was a small stump. Looking around, they realized that there were more trees gone and rubbish everywhere. "What has become of our beautiful forest?" Bugbug cried. Sara gulped. "Come on, let's go back home," said Sara. "I have an idea." Clang! "What are you doing, Sara?" Asked Bugbug. Sara just grunted. He reached into a cupboard and pulled out a packet of seeds and a shovel. "Go get a watering can, Bugbug," Sara said. No questions! He quickly added as Bugbug opened his mouth. They walked back into the forest. "Dig. We're going to plant more trees. I'll go call our animal friends to help." Sara winked. Bugbug was extremely happy when he realized what Sara was doing. Filled with adrenaline, he dug and dug and dug. Then dropped some seeds into the holes. Suddenly, he heard chattering and cheering. Bugbug looked up and grinned widely. Sara had brought more friends than he thought. The moles and badgers dug the holes. The squirrels and birds dropped the seeds. The elephants sprayed water everywhere. Bugbug went to find some fertilizer. The other animals spread out to plant more and more seeds. Two weeks later, Sara and Bugbug walked to the forest. What they saw made them squeal in delight. The little seeds sprouted into seedlings! At night, they went to sleep thinking about how the newly planted seedlings would look like in a few months.

Abigail Yeong Huey En, 10 tahun

Surat Terbaik

Discovering the Rafflesia

Sara and Bugbug are on the way to the forest for a picnic. As they arrived, Bugbug gasped in horror and both of them could smell something unpleasant to the nose. Out of curiosity, they followed the smell and found a huge flower. It had five enormous red petals that were spotted white and almost looked like a giant's tongue. There was also a circular hole in the middle, with little yellow thorny spikes. The size of the flower definitely made it look scary. Sara had never seen such a thing before, so she suggested for both of them to scamper. Bugbug on the other hand, had identified the flower's species. "Nothing to worry, my dear friend. This is the Rafflesia," said Bugbug. Sara blinked, still unable to identify the plant. Looking at Sara's blank face, Bugbug continued to explain... "This is one of the world's largest flower. It has no stems, leaves or roots and is known as a holoparasite which feeds on an infected host vine." "Wow..." Sara nodded with a little understanding. "Still, it would have been better without the strong smell," muttered Sara. "How very true, Sara!" exclaimed Bugbug. "However, the flower carries the scent of a rotting meat to attract insects and flies, which act as pollinators." said Bugbug. "Thank you Bugbug! It's great to know about the biggest flower in the world. Hey, let's take some pictures with the flower for memory!" suggested Sara. Both Sara and Bugbug took a few happy photos, posing beside the Rafflesia, before heading back home. They surely had an adventurous picnic.

Tejeshvar Jaganathan, 10 tahun

Tema akan datang:

Sara dan Bugbug pergi ke tasik yang beku berhampiran rumah mereka dan mengambil keputusan untuk memancing di kolam ais. Mereka membuat satu lubang kecil untuk melemparkan tali pancing. Tiba-tiba mereka berasa sesuatu yang besar dan berat tersangkut pada hujung tali pancing.

Apakah yang adik-adik fikir dan apakah yang mereka lakukan?

Sertakan jawapan adik-adik berserta nama, nombor pasport Smalish, umur, alamat dan butir-butir hubungan ke sara@smales.com.my atau smaless, No.2, Jalan PJU 7/2, Mutiara Damansara, 47800 Petaling Jaya, Selangor, selewat-lewatnya pada **31 Januari 2022**. 2 Pemenang bertuah setiap orang akan memenangi satu poket katil **MOJLIGHTET**.



Lukis emping salji yang hilang.



**Conteng-
conteng**

Penuhi muka surat ini dengan bola salji paling kreatif yang adik-adik boleh bayangkan.